

News Alert – Urgent Topics (10 Mei 2019)

Isu 1: Tiada rombakan Kabinet Kerajaan Pakatan Harapan (PH)

Tajuk: Tiada Rombakan – Tun Dr. Mahathir Mohamad

Sumber: Utusan Malaysia (7 Mei 2019)

Sinopsis:

Tun Dr. Mahathir Mohamad mengesahkan bahawa tidak akan berlaku rombakan Kabinet. Beliau menyatakan barisan Kabinetnya berada dalam prestasi yang baik dan beliau tidak nampak sebarang sebab bagi melakukan penstrukturan Kabinet berkenaan. Dalam masa yang sama, beliau turut menzahirkan keyakinan terhadap barisan Kabinet yang dilihat kelak akan menjadi sebarang anggota-anggota berpengalaman yang lain. Jelasnya, beliau merupakan seorang yang sangat konservatif dan pernah berada dalam kerajaan selama kira-kira 20 tahun sekali gus mengetahui bagaimana kerajaan berfungsi. Namun begitu, kata beliau, barisan Kabinet ketika ini masih baharu dan mereka juga dilihat khuatir dituduh melakukan penyalahgunaan hingga menyebabkan mereka sukar membuat keputusan.

Komen:

1. Tindakan Perdana Menteri yang masih enggan untuk melakukan sebarang rombakan Kabinet memperlihatkan keegoan dan kebongkakan Kerajaan Pakatan Harapan (PH) untuk cuba mengakui dan memperbaiki kelemahan pentadbiran sedia ada.
2. Penilaian lima dari sepuluh markah yang diberikan oleh Perdana Menteri terhadap ahli Kabinetnya menunjukkan beliau seolah-olah cuba mengambil hati rakan proksi lain di dalam gabungan Pakatan Harapan memandangkan kajiselidik yang dijalankan oleh Merdeka Centre mendapati tahap sokongan rakyat terhadap pentadbiran kerajaan kini merosot kepada 39 peratus pada 31 Mac 2019 berbanding 79 peratus pada 31 Mei 2018.
3. Pengekalan barisan Kabinet sedia ada memberi lebih peluang kepada pihak pembangkang untuk terus memberi tekanan terhadap pentadbiran Kerajaan PH yang pincang dalam melaksanakan sebarang keputusan dan dasar serta membuktikan kepada rakyat bahawa Kerajaan PH tidak sebarang yang diuar-uarkan.

Isu 2: JPJ longgarkan peraturan cermin gelap untuk kenderaan.

Tajuk: Tiada Rombakan – Tun Dr. Mahathir Mohamad

Sumber: Utusan Malaysia (8 Mei 2019)

Sinopsis:

Kementerian Pengangkutan membenarkan penggunaan cermin gelap sepenuhnya pada bahagian cermin sisi kiri dan kanan penumpang serta belakang kenderaan persendirian berkuat kuasa 9 Mei. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, walau bagaimanapun kadar peratusan cermin gelap pada bahagian cermin depan kenderaan serta cermin sisi kanan dan kiri pemandu kekal seperti sedia ada.

Beliau menjelaskan setiap permohonan yang dikemukakan perlu berasaskan dua faktor seperti keselamatan dan kesihatan dengan kelulusan diambil kira melalui dua sebab berkenaan. Di bawah peraturan sedia ada menetapkan penggunaan cermin gelap depan 70 peratus, cermin sisi pemandu (50 peratus) dan cermin sisi belakang dan cermin sisi belakang penumpang (30 peratus). Kerajaan memutuskan agar bayaran fil RM5,000 akan dikenakan kepada setiap kelulusan untuk tempoh dua tahun dengan pemandu hendaklah memohon semula apabila tempoh sah laku tamat.

Beliau turut menerangkan bahawa pindaan peraturan yang dibuat itu menepati piawaian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sekali gus akan membolehkan orang ramai menggunakan cermin lebih gelap daripada peraturan semasa khususnya kepada penumpang.

Komen:

1. Langkah ini mendapat reaksi yang berbeza apabila Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman, Datuk Azisman Alias pula mendakwa tiada perbincangan mengenai pelaksanaan cermin gelap dibuat dengan pihak Polis dan menyatakan peraturan baharu ini menyukarkan tugas penguatkuasaan pihak Polis untuk melihat penumpang ketika pemeriksaan dijalankan.

2. Bagaimanapun terdapat pendapat yang menyokong langkah ini dengan berpendapat langkah ini dapat melindungi penumpang daripada terik cahaya matahari di negara beriklim khatulistiwa seperti Malaysia selain mengurangkan kejadian pecah kereta apabila pencuri tidak lagi dapat mengintai barangan yang berada di dalam kenderaan.

Isu 3: Skandal tanah Kementerian Pertahanan

Tajuk: Kerajaan rugi lebih RM500 juta projek '*land swap*'

Sumber: Sinar Harian (9 Mei 2019)

Sinopsis:

Hasil laporan Jawatankuasa Siasatan tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) berhubung pelaksanaan 13 daripada 16 projek '*land swap*' (penswastaaan untuk memajukan tanah), Kementerian Pertahanan mendapati bahawa anggaran kerugian atau ketirisan hasil kerajaan melebihi RM500 juta. Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu menjelaskan siasatan juga mendapati terdapat penglibatan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di Kem Bera, Kem Segamat, Kem Paloh dan Kem Hutan Melintang iaitu berlakunya pemindahan pengundi sebelum PRU14.

Status projek-projek tersebut berada di pelbagai peringkat pelaksanaan iaitu lima projek telah siap sepenuhnya, satu projek gagal, dua projek sedang dalam pembinaan, satu projek telah ditandatangani, tiga projek masih belum ditandatangani dan empat projek telah mendapat kelulusan prinsip jemaah menteri kerajaan terdahulu.

Komen:

1. Pihak Kementerian Pertahanan dilihat begitu bersungguh-sungguh untuk merungkaikan isu '*land swap*' yang berlaku pada zaman Kerajaan Barisan Nasional. Langkah untuk membersihkan nama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Pertahanan adalah sesuatu yang wajar untuk dilakukan dan mereka yang dituduh juga perlu dihapuskan ke muka pengadilan dan dikenakan tindakan sewajarnya.
2. Namun begitu, pihak Kerajaan juga perlu bersikap adil dengan tidak melakukan sebarang tuduhan melulu kepada mana-mana pihak sehinggalah pihak tersebut terbukti bersalah oleh Mahkamah.